

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Penulisan ini dimulai dengan bab pendahuluan yang meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi penyelidikan, ulasan kajian lepas, definisi istilah dan sistematika penulisan. Bab pendahuluan ini penting kerana ia memaparkan kepentingan penyusunan draf pengkajian untuk menghuraikan persoalan yang dikaji dan beberapa perkara penting yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.¹

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Asas pembinaan dan pembangunan insan dalam Islam yang paling utama adalah mengangkat martabat manusia dengan memelihara maruah, jati diri dan hak-hak asasi mereka.² Jadi, pembangunan insan perlu berjalan seiring dengan pembangunan fizikal dan infrastruktur lainnya demi menjamin keseimbangan dalam pembangunan. Pembangunan sikap (*attitude*), pembangunan keterampilan (*skill*) dan pembangunan ilmu pengetahuan (*knowledge*) adalah perlu menjadi teras kepada pembangunan program yang komprehensif dan bersepadu. Pembangunan seumpama ini perlu dilaksanakan secara agresif, menyeluruh dan berperingkat-peringkat bagi mengatasi kemiskinan dari segi iman, ilmu, akhlak dan amal.

¹ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suara Sorotan*, c. 1. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Intel Multimedia and Publication, h. 97.

² Yusuf Al-Qaradawi (1992), *Wawasan Islam: Antara Keaslian Dan Kemodenan*. Ahmad Nuryadi Asmawi (terj.). Selangor: Thinker's Librarys Sdn Bhd, h. 31.